

**BERSIH 2.0 sedia turut serta dalam PSC**  
**Malaysiakini.com**  
**October 01,2011**  
**By Nigel Aw**

Dengan Parlimen akan bersidang mulai Isnin ini untuk membincangkan penubuhan jawatankuasa khas parlimen bagi reformasi pilihan raya (PSC), BERSIH 2.0 sudah bersedia dan berharap dapat turut sama dalam PSC.

bersih general election demand launch 300911 06Berucap di majlis pelancaran kempen terbarunya bagi pelaksanaan tuntutan mengenai reformasi pilihan raya sebelum pilihan raya Umum ke-13, pengerusi BERSIH 2.0, Datuk S Ambiga berkata, jika PSC "ikhlas", maka ia harus melibatkan juga BERSIH 2.0.

Katanya, terdapat tanggapan bahawa BERSIH tidak boleh turut serta kerana Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Hishammuddin Hussein telah mengisytiharkan gabungan itu haram.

Tetapi, katanya, jika PSC itu ikhlas, mereka patut turut berbincang dengan gabungan tersebut.

bersih general election demand launch 300911 04BERSIH, tegas Ambiga, mempunyai segala fakta, angka dan hujah-hujah dan pihak sudah bersedia untuk bertemu dan berbincang dengan PSC dan berharap mereka ada peluang untuk berbuat demikian.

Kempen bertajuk 'Laksanakan lapan tuntutan sebelum PRU-13' itu dilancarkan di majlis yang dihadiri oleh kira-kira 300 penyokong di Kuala Lumpur semalam.

Ia dilancarkan selepas Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak enggan memberi jaminan bahawa syor PSC mengenai reformasi pilihan raya, akan dilaksanakan sebelum pilihan raya akan datang.

Copyright © 1999-2007 Mkini Dotcom Sdn. Bhd  
<http://www.malaysiakini.com/news/177423>